

## TAJUK: MENCINTAI ALAM SEKITAR

A. Pilih jawapan sama ada A,B atau C bagi setiap soalan di bawah.

1. Ciri-ciri kitar semula ialah \_\_\_\_\_.

A. Amalan yang membazirkan

B. Dengan menggunakan plastik terpakai untuk membeli belah

C. Mengumpul botol plastik secara banyak dan menanam di belakang rumah.

☐

2. Bagaimanakah kita boleh mengurangkan pencemaran udara?

A. Mengamalkan amalan kitar semula

B. Kurangkan pembakaran terbuka

C. Membuang sampah ke dalam tong sampah

☐

3. Siapakah yang akan mendapat kesusahan jika sekiranya kemudahan-kemudahan awam yang disediakan di taman rekreasi dirosakkan?

A. pemugut

B. orang yang tidak bertanggung jawab

C. para pengunjung

☐

4. Apakah kebaikan yang boleh diperolehi jika menjaga kebersihan alam sekitar?

A. Kita tidak akan berasa selesa berada di tempat yang bersih.

B. Kita akan mudah mendapat penyakit berjangkit

C. Dapat menarik para pelancong berkunjung ke negara ini.

☐

5. Senarai di bawah ini merupakan kemudahan yang disediakan di taman-taman rekreasi kecuali \_\_\_\_\_.

A. pondok rehat

B. telefon bimbit

C. tempat permainan

☐

6. Sekiranya kamu ternampak sampah di atas lantai, apakah tindakan yang harus kamu lakukan?

A. Membiarkan sahaja kerana akan dikutip oleh pembersih yang bertugas.

☐

B. Mengutip sampah itu dan membuang ke dalam tong sampah berhampiran.

C. Mengutip sampah itu dan membuangnya ke dalam air.

7. Apakah langkah yang boleh diambil untuk mengatasi masalah pemugut?

A. Melaporkan kepada pihak yang berwajib mengenai tindakan si pemugut.

☐

B. Membiarkan sahaja masalah ini berleluasa.

C. Tidak melaporkan kepada mana-mana pihak yang berwajib.

8. Apakah kesan jika kita membuang sampah di merata-rata tempat?

A. Alam sekitar akan semakin cantik.

B. Tumbuh-tumbuhan hidup dengan subur.

☐

C. Alam sekitar berbau busuk dan menjadi tercemar.

9. Siapakah yang akan mengalami kerugian jika kemudahan-kemudahan awam yang disediakan di tempat-tempat peranginan dirosakkan?

A. Pihak kerajaan

B. Pihak pemugut

C. Pihak masyarakat

☐

10. Antara penyakit bahaya yang boleh timbul apabila alam sekitar tercemar ialah \_\_\_\_\_.

A. Diabetis dan sakit jantung.

B. Obesiti dan darah tinggi

C. Malaria dan demam denggi.

☐

B. Tuliskan BETUL atau SALAH bagi setiap pernyataan yang merujuk kepada kesan-kesan pencemaran alam sekitar.

| KESAN-KESAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR                                                                                       | JAWAPAN |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|
| 1. Banyak peluang pekerjaan akan dibuka di sektor-sektor pelancongan kepada para pencari pekerjaan.                       |         |
| 2. Pencemaran alam sekitar boleh membahayakan kesihatan.                                                                  |         |
| 3. Para pengunjung atau para pelancong tidak akan dapat menikmati lagi keindahan alam sekitar.                            |         |
| 4. Alam sekitar akan menjadi semakin bersih dan indah dipandang.                                                          |         |
| 5. Rakyat dan penduduk akan berasa malu kerana nama dan imej negara tercemar.                                             |         |
| 6. Ramai pelancong akan mengunjungi negara yang mempunyai tahap pencemaran yang tinggi.                                   |         |
| 7. Tumbuh-tumbuhan akan tumbuh dengan subur dan binatang akan hidup dengan sihat.                                         |         |
| 8. Para nelayan akan terputus mata pencarian kerana air sungai yang tidak bersih menyebabkan banyak hidupan di laut mati. |         |
| 9. Air sungai dapat digunakan untuk diminum dan membersihkan pakaian dan sebagainya.                                      |         |
| 10. Udara yang segar akan dapat dihidu oleh manusia setiap hari.                                                          |         |